

**MODEL KEPEMIMPINAN PENGAJARAN PENGETUA,  
EFIKASI DAN KOMPETENSI  
PENGAJARAN**

**MOHD YUSRI BIN IBRAHIM**

**DOKTOR FALSAFAH  
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU**

**2012**

## **DEDIKASI**

Teristimewa untuk seluruh keluarga yang berkongsi kasih sayang, harapan dan pengorbanan untuk menyiapkan tesis ini; khususnya isteri tercinta, Zurita Othman; ayah dan mak, Ibrahim Saman dan Habidah Md Nor; Mertua, Othman Hamad dan Rohani Che Hussin; anak-anak tercinta, Alif Aiman, Afni Irfan, Amni Fatehah dan anak teristimewa anugerah teragung daripada Tuhan, Aakif Rayyan; serta semua adik beradik dan ipar duai yang sangat ramai itu.

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Malaysia Terengganu sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah

**MODEL KEPEMIMPINAN PENGAJARAN PENGETUA,  
EFIKASI DAN KOMPETENSI PENGAJARAN**

**MOHD YUSRI BIN IBRAHIM**

**SEPTEMBER 2012**

**Penyelia Utama : Profesor Shukery Bin Mohamed, Ph.D**

**Penyelia Bersama : Profesor Madya Wan Abd Aziz Bin Wan Mohd Amin, Ph.D**

**Fakulti : Pembangunan Sosial**

Kepemimpinan pengajaran pengetua telah dikenal pasti sebagai faktor penting untuk kejayaan akademik sesebuah sekolah. Namun realiti, pengetua lebih banyak memperuntukkan masa untuk melakukan pelbagai tugas pengurusan dan pentadbiran yang rutin, bukannya kepemimpinan pengajaran. Pengetua juga tidak dapat melaksanakan fungsi kepemimpinan pengajaran dengan berkesan kerana belum ada model kepemimpinan pengajaran yang bersesuaian dengan persekitaran pendidikan tempatan.

Kajian ini dijalankan untuk membangunkan model modifikasi kepemimpinan pengajaran pengetua berlatarkan sistem pendidikan tempatan. Tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji budaya kepemimpinan pengajaran yang diamalkan oleh pengetua serta mengenal pasti hubungan dan sumbangsih kepemimpinan pengajaran terhadap efikasi guru, kompetensi pengajaran guru dan pencapaian akademik. Kepemimpinan pengajaran adalah pembolehubah bebas, efikasi

kendiri dan efikasi mengajar adalah pembolehubah mediator, manakala kompetensi pengajaran dan pencapaian murid merupakan pembolehubah bersandar kajian.

Kajian ini menggunakan teknik triangulasi untuk pengumpulan data iaitu temubual, analisis dokumen dan soal selidik. Peserta temubual adalah enam pengetua berpengalaman manakala responden soal selidik terdiri daripada 481 guru daripada 55 buah sekolah menengah harian biasa di Terengganu. Data temubual dianalisis menggunakan perisian NVIVO 7.0 manakala data kuantitatif dianalisis menggunakan perisian SPSS 18 dan AMOS 18. Item statistik yang digunakan untuk analisis data kuantitatif termasuk Ujian-t, ANOVA, Regresi Linear Pelbagai, Analisis Pengesahan Faktor (CFA) dan Model Persamaan Struktur (SEM).

Prosedur temubual, persetujuan pakar dan analisis pengesahan faktor menunjukkan pengetua mengamalkan 76 tingkahlaku dan 12 fungsi kepemimpinan pengajaran iaitu (i) menentukan matlamat sekolah, (ii) menjelas matlamat sekolah, (iii) menyelia dan menilai pengajaran, (iv) menyelaras kurikulum, (v) memantau kemajuan murid, (vi) mengintegrasikan penggunaan ICT, (vii) mengawasi masa pengajaran, (viii) memastikan sentiasa kelihatan di sekolah, (ix) memberi insentif kepada guru, (x) menggalakkan perkembangan profesional, (xi) memberi insentif kepada murid dan (xii) melibatkan sokongan komuniti.

Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa kepemimpinan pengajaran pengetua mempunyai hubungan yang positif serta peramal yang signifikan terhadap efikasi kendiri guru, efikasi mengajar guru, kompetensi pengajaran guru dan pencapaian akademik. Kombinasi kepemimpinan pengajaran, efikasi kendiri dan efikasi mengajar menyumbang sebanyak 31.4

peratus terhadap kompetensi pengajaran guru dan menyumbang 4.0 peratus kepada pencapaian akademik. Kajian ini berjaya membangunkan sebuah model modifikasi kepemimpinan pengajaran yang sepadan dengan data kajian yang dikumpul.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Malaysia Terengganu  
in fulfillment the requirements for the degree of Doctor of Philosophy

**MODEL OF PRINCIPAL'S INSTRUCTIONAL LEADERSHIP,  
EFFICACY AND TEACHING COMPETENCY**

**MOHD YUSRI BIN IBRAHIM**

**SEPTEMBER 2012**

**Main Supervisor : Professor Shukery Bin Mohamed, Ph.D**

**Co Supervisor : Associate Professor Wan Abd Aziz Wan Mohd Amin, Ph.D**

**Faculty : Social Development**

Principal's instructional leadership has been identified as important factors for academic success of a school. But in reality, the principals allocated more time to do various routine tasks of management and administration, not the instructional leadership. They also cannot effectively perform the functions of instructional leadership as there is no suitable instructional leadership model that suits the local education environment.

This study was conducted to develop a modification model of principal's instructional leadership based on local educational system. The purpose of this study was to investigate the instructional leadership culture practising by the principal, and to investigate the relationship and contribution of instructional leadership towards teacher efficacy and teaching competency, and student academic achievement. Instructional leadership was an independent variable, self-efficacy and teaching efficacy were mediator variables, while the teaching competency and student achievement were the dependent variables of the study.

This study employed triangulation techniques for data collection i.e interview, document analysis and questionnaire. The selected interviewees were six experienced principals with extensive services while the questionnaire respondents consisted of 481 teachers from 55 secondary schools in the state of Terengganu. The interview data were analyzed using NVIVO 7.0 software, while quantitative data were analyzed using SPSS 18 and AMOS 18. Statistic items used for quantitative data analysis including t-tests, ANOVA, Multiple Linear Regression, Confirmatory Factor Analysis (CFA) and Structural Equation Model (SEM).

Interview procedure, experts agreement and confirmation factor analysis indicated that principals practising 76 behaviors and 12 instructional leadership functions namely (i) determine the school goals, (ii) clarify school goals, (iii) supervise and evaluate teaching, (iv) coordinate the curriculum, (v) monitor student progress, (vi) integrate the usage of ICT, (vii) monitor the lesson time, (viii) ensure to look at the school, (ix) provide incentives to teachers, (x) promote professional development, (xi) provide incentives to students, and (xii) involve community support.

The findings also indicated that the principal's instructional leadership had a positive relationship and significant prediction towards teachers' self efficacy, teaching efficacy, teaching competency and student academic achievement. The combination of instructional leadership, self-efficacy and teaching efficacy contribute 31.4 percent of teaching competency and 4.0 percent of academic achievement. The study successfully developed a modification model of instructional leadership based on research data collected.